

Syabu lebih 279kg ditinggal dalam kereta dirampas

Kastam Kelantan rampas dadah bernilai hampir RM9 juta dekat pangkalan haram Sungai Golok

Oleh Syaherah Mustafa
shnews@bh.com.my

Kota Bharu: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas lebih 279 kilogram (kg) dadah jenis syabu bernilai hampir RM9 juta di Kampung Banggol Kulim, Rantau Panjang, pada 19 Ogos lalu.

Pengarah JKDM Kelantan, Wan Jamal Abdul Salam Wan Long, berkata pihaknya menerima maklumat daripada orang awam sebelum membuat serbuan ke atas kereta yang ditinggalkan di tepi jalan sekitar jam 2.30 tengah hari.

Katanya, kereta terbabit ditinggalkan tanpa pemandu serta berkunci dan hasil pemeriksaan mendapati terdapat lapan gung yang mengandungi 258 pekot periisi dadah berkenaan di bahagian belakang penumpang dan bonet.

“Tempat kereta ditemui hanya berjarak dua kilometer (km) dari kawasan pangkalan haram Sungai Golok dan semua dadah



Wan Jamal (tiga dari kanan) menunjukkan rampasan dadah pada sidang media di Pejabat Penguatkuasaan JKDM Kota Bharu, semalam. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

berkenaan disyaki diseludup dari negara jiran, Thailand.

“Anggota merampas kereta dan semua bahan terlarang berkenaan untuk tujuan siasatan lanjut mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

“Jika sabit kesalahan boleh dijatuhkan hukuman mati atau penjara seumur hidup dan hukuman sebat tidak kurang daripada 15 sebatan,” katanya di

sini, semalam.

Wan Jamal berkata, penyeludup menggunakan kenderaan persendirian bagi mengaburi mata pihak berkuasa.

Rampas barang seludup

Selain itu, katanya JKDM Kelantan turut merampas pelbagai jenis barang seludup bernilai lebih RM50 juta membabitkan 958 kes sepanjang Januari sehingga

Ogos tahun ini.

“Nilai membabitkan rampasan pelbagai jenis dadah dengan jumlah tertinggi iaitu, lebih RM21.3 juta, diikuti, rokok bernilai lebih RM2.19 juta dan ayam sejuk beku RM2.11 juta.

“Orang ramai digesa membantu JKDM memerangi jenayah penyeludupan khususnya dadah, rokok, minuman keras, mercun dan kenderaan,” katanya.